



**PEMBUKAAN SEMULA SESI PERSEKOLAHAN UGAMA DAN ARAB PADA TAHAP KEDUA
LANGKAH PENGURANGAN KAWALAN BERIKUTAN SITUASI COVID-19
DI NEGARA BRUNEI DARUSSALAM**

BANDAR SERI BEGAWAN, 18hb Jun 2020M, Khamis - Merujuk Sidang Media Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di Negara Brunei Darussalam pada hari Selasa, 24 Syawal 1441 Hijrah bersamaan 16 Jun 2020 Masehi, mengenai langkah pengurangan kawalan berhubung pembukaan semula persekolahan Ugama dan Arab kepada tahap kedua daripada langkah-langkah pengurangan kawalan (de-escalation stages).

Langkah pengurangan kawalan pembukaan semula sesi persekolahan Ugama dan Arab pada tahap pertama telah bermula pada 02 Jun 2020 Masehi yang lalu melibatkan pelajar-pelajar yang akan menduduki peperiksaan awam. Sementara itu, sesi persekolahan pada tahap kedua ini pula melibatkan pelajar-pelajar Darjah Pra hingga Darjah 5 di persekolahan Ugama dan pelajar-pelajar Tahun 5 di persekolahan Arab yang di bawah kawalan Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesi persekolahan akan bermula pada hari ini, 26 Syawal 1441 Hijrah bersamaan 18 Jun 2020 Masehi.

Seramai **27,744 orang pelajar** dari Darjah Pra hingga Darjah 5 di persekolahan Ugama dan seramai **779 orang pelajar** Tahun 5 di persekolahan Arab seluruh negara terlibat pada sesi persekolahan tahap kedua ini.

Pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran sesi persekolahan tahap kedua bagi semua pelajar berkenaan adalah dikenakan kaedahnya menggunakan modaliti yang telah digariskan oleh Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama. Sesi pengajaran dan pembelajaran akan menggunakan gabungan kaedah secara bersemuka (**face-to-face**).

Walau bagaimanapun pelajar-pelajar dinasihatkan agar menekankan dua aspek penting iaitu mengamalkan penjarakan fizikal dan sosial, serta kebersihan diri dan premis sekolah bagi memastikan kesejahteraan pelajar-pelajar dan warga sekolah adalah terjamin. Guru-guru dan kakitangan sekolah juga diarahkan untuk memantau keadaan pelajar-pelajar dan kebersihan tempat seperti bilik darjah, tandas dan sekitar sekolah setiap masa.

-TAMAT-

Disediakan oleh:
Jabatan Pengajian Islam,
Kementerian Hal Ehwal Ugama,
Blok 2 I, Kondominium Jalan Ong Sum Ping, BA1311
Negara Brunei Darussalam.
email: perhubungan.awam@jpi.edu.bn
Telephone: +6732241851

Rujukan: KHEU/BPA/PR/JUN/2020
Tarikh: 26 Syawal 1441H / 18 Jun 2020M